

06/01/1997

Tepi sungai tidak lagi sesuai didiami

SUATU ketika dulu, sungai menjadi jalan pengangkutan yang amat penting kepada manusia. Sungai menjadi penghubung utama dari satu kawasan ke kawasan lain, terutamanya untuk memasarkan keluaran pertanian dari sesebuah kawasan. Tentunya, kawasan di pinggir sungai adalah kawasan subur untuk pertanian selain memudahkan penduduk berhampiran sungai, menggunakan air sungai berkenaan untuk menyalirkan air kepada tanaman mereka, menangkap ikan, memasak, membasuh dan mandi-manda. Itulah sebabnya kita dapat melihat di mana saja ada sungai, ada perkampungan yang dibuka. Hakikat ini menjadi sebahagian daripada asas awal ketamadunan manusia, walau di negara mana sekali pun di dunia.

Hari ini, manusia yang bergantung hidup kepada sungai, kian berkurangan. Sungai bukan lagi menjadi jalan penghubung di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Manusia yang masih menjadikan sungai sebagai jalan utama, dianggap sudah jauh ketinggalan. Pada zaman yang serba pantas ini, manusia menggunakan jalan raya untuk pergi dari satu tempat ke tempat yang lain. Dengan kemudahan kenderaan berat untuk mampu mengangkut barang-barang dengan muatan yang besar, fungsi sungai kian luput. Jika ada pun hanyalah untuk mengangkut penumpang untuk menyeberang dari kampung ke pekan berhampiran.

Walaupun sungai masih penting untuk kehidupan manusia, tidak bermakna kawasan di pinggir sungai sesuai untuk dijadikan kawasan penempatan dalam zaman moden ini. Beberapa bencana yang melanda di beberapa negara di seluruh dunia, akibat sungai, sudah cukup menakutkan kita untuk terus menyabung nyawa. Air sungai boleh berubah, apabila berlaku sesuatu perubahan di kuala. Hujan lebat juga boleh mengubah deras air sungai.

Selepas melalui proses perubahan sekian lama, permukaan di pinggir sungai juga ikut berubah. Semua ini adalah antara faktor yang menyumbang bahaya kepada kehidupan manusia. Kita percaya mereka yang tinggal di tepi sungai, menyedari bahaya yang mungkin menimpa diri dan keluarga mereka. Tetapi, disebabkan tidak ada pilihan, mereka terpaksa terus memperjudikan nasib. Kita melihat kerajaan perlu memberi perhatian berat mengenai perkara ini. Jika kerajaan tidak mahu kejadian buruk berulang, penduduk di tepi sungai perlulah dipindahkan segera.

Kita mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang menyatakan peraturan baru perlu digubal untuk melarang pembinaan penempatan di pinggir sungai sebagai strategi jangka panjang mengelak tragedi, jika berlaku banjir kilat. Kenyataan Dr Mahathir ini perlu diamati kerajaan negeri terbabit terutamanya di negeri yang ramai penduduknya masih menetap di tepi sungai. Kajian yang menyeluruh harus dijalankan dengan membabitkan pakar seperti ahli geografi, geologi, pakar kaji cuaca dan jurutera. Mereka perlu mengemukakan cadangan kawasan yang paling bahaya didiami di samping cadangan teknikal kesesuaian kawasan penempatan di tepi sungai.

Bagaimanapun, kita tetap percaya langkah awal yang perlu diambil ialah mengenal pasti semua kawasan pinggir sungai yang didiami manusia. Hari ini, kerajaan negeri mungkin tidak mempunyai data yang lengkap mengenai penduduk yang menetap di tepi sungai. Tambahan pula, jika sesuatu kawasan itu dibuka tanpa kebenaran pihak berkuasa. Disebabkan kawasan seperti ini biasanya jauh daripada tindakan pihak berkuasa, mereka mungkin terselamat daripada tindakan undang-undang. Persoalannya, adakah mereka bebas daripada bahaya?

Bagi kawasan yang berisiko tinggi, langkah memindahkan mereka perlu dijalankan segera walau dengan apa cara sekali pun. Golongan ini hendaklah diletakkan sebagai keutamaan paling utama. Sama ada peraturan baru sempat dirumus dan dikuatkuasakan atau tidak, pemindahan mereka perlu dilakukan. Paling penting, setiap penduduk terbabit perlulah mendengar nasihat pihak berkuasa. Jika diarah berpindah, mereka tidak perlu ingkar. Ini kerana jika berlaku sesuatu tragedi, merekalah yang harus dipersalahkan.

Kita sedar, adalah sukar bagi kerajaan negeri mencari penempatan baru yang sesuai untuk menempatkan penduduk di pinggir sungai ini secara serentak. Namun, bagi kawasan berisiko tinggi, mereka perlulah diberi kawasan penempatan sementara secepat mungkin, sehingga satu kawasan yang sesuai ditemui. Bagi penduduk di kawasan kurang berisiko tinggi, satu rancangan jangka panjang hendaklah dilakukan. Ini kerana apabila sampai masanya, kawasan itu juga akan mengalami proses perubahan muka bumi yang membahayakan kehidupan mereka.

(END)